

03/10/1997

Kejayaan ekspedisi satu sejarah

KUNDASANG, Khamis - Kejayaan ekspedisi pengukuran ketinggian Gunung Kinabalu adalah sejarah kerana dilakukan sendiri anak watan negeri ini sehingga tercatat dalam buku rekod Malaysia bagi 1997.

Usaha itu selaras matlamat Kerajaan Barisan Nasional (BN) Sabah memupuk keyakinan serta merealisasikan perkongsian bijak di antara kerajaan dan penduduk untuk memikul bersama tanggungjawab memajukan negeri ini.

Menteri Pelancongan dan Alam Sekitar, Tan Sri Bernard Dompok, berkata kali terakhir ketinggian Gunung Kinabalu diukur oleh kumpulan ekspedisi Learmont pada 1910.

"Saya yakin walaupun ketinggian Gunung Kinabalu kini 4,095.2 meter berbanding ketinggian lama 4,101 meter daripada aras laut, gunung itu tetap memberikan cabaran terbaik kepada pelawat yang mahu mendakinya," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis penyerahan Kapsul Masa, projek pendakian Gunung Kinabalu 1997 di Taman Kinabalu, di sini, semalam. Gunung Kinabalu akan menjadi tuan rumah Klimbaton Antarabangsa 1997 pada 4 dan 5 Oktober ini.

Sehubungan itu, Dompok mahu penduduk wajar berbangga kerana Malaysia terutama Sabah dipilih tuan rumah pertandingan Climbaton peringkat dunia yang akan berlangsung pada 1999.

Menurutnya, pemilihan itu satu pencapaian peringkat antarabangsa yang boleh dibanggakan dengan keputusan pengukuran ekspedisi itu menambahkan keluaran menarik yang boleh dikunjungi pelawat di Taman Kinabalu.

"Kapsul masa yang turut memuatkan barangan milik peribadi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan dipamerkan kepada orang ramai dengan kapsul masa pertama hanya dibuka pada 25 Jun 2050," katanya.

Selain itu, beliau berkata, semua barang yang ada pada dua kapsul itu adalah koleksi sejarah yang tidak ternilai untuk tatapan generasi masa depan akan dibuka 1 Oktober 2020.

Menurut Dompok, barangan itu akan menjadi bahan sejarah boleh dijadikan keluaran pelancongan kepada pelawat yang datang mengunjungi negeri ini pada masa depan.

(END)